

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.**  
**BILANGAN 3/1966.**

---

Menggunakan pen mata bulat (ball-point pen)  
dalam Borang Jual Bell dan lain-lain dan Daftar Geran.

Perenggan 11 dalam Jadual Kesepuluh kepada Kanun Tanah Negara menetapkan bahawa tanda tangan dan tulisan atas sebarang borang mestilah ditulis dengan dakwat hitam atau biru-hitam jenis yang kekal.

2. Soalan sama ada dakwat pen mata-bulat itu kekal atau tidak telah dikemukakan kepada penguam Negara dan menurut pendapatnya soalan ini ialah berkait dengan 'fact' yang mana hanya boleh ditentukan oleh Jabatan Kimia.

3. Jabatan Kimia menyatakan iaitu tidaklah dapat ditentukan sama ada dakwat pen mata-bulat yang berbilang jenis itu semuanya kekal belaka oleh sebab bahan-bahan yang digunakan membuat dakwat itu tidak diketahui. Jabatan itu juga telah menerangkan bahawa ada dua perkara berfaedah menggunakan dakwat cair atas dokumen-dokumen yang mustahak daripada dakwat pen mata-bulat, yakni:-

- I) Sekiranya tulisan dengan menggunakan dakwat cair jenis yang kekal turun warnanya sebelum waktunya atau pun dipadamkan dengan menggunakan kimia maka dengan sebab dakwat itu ada mengandungi garam besi, kesan-kesan tulisan itu dapat dipulihkan semula dengan menggunakan kiamla; dan
- II) Dari segi pendapat Pemeriksa Dokumen, tandatangan yang ditulis dengan mata pen yang biasa dengan menggunakan dakwat cair jenis yang kekal lebih mudah dianalisa daripada tandatangan yang ditulis dengan pen mata-bilat, sekiranya berbangkit kelak soal sama ada sesuatu tandatangan itu sah atau palsu dan oleh hal yang demikian maka Jabatan itu menasihatkan supaya masa ini tulisan-tulisan di atas dokumen-dokumen yang mustahak seperti Borang-borang Jualbell dan lain-lain dan Daftar Geran hendaklah terus dituliskan dengan menggunakan dakwat hitam atau pun biru-hitam yang tulisannya akan tinggal kekal.

4. Perkara ini telah pun dibincangkan di dalam Mesyuarat Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah dan Galian pada 19hb. dan 20hb. September, 1966 dan Mesyuarat memutuskan bahawa nasihat yang diberi oleh Jabatan Kimia itu hendaklah di turut dengan segeranya oleh Pejabat-pejabat Tanah.

tt.  
(Yusof bin Salim)  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian,  
Terengganu.

Bil. PT&G.TR. 18.64 - (77)

s.k.

Y.B. Setiausaha Kerajaan Terengganu.

Pesuruhjaya Tanah,  
Negeri-negeri Tanah Melayu, K.L.  
Bil. P.T.M. 7/65(47)

Kuala Terengganu, 11hb. Disember, 1966.